

PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENDIDIKAN LUAR BANDAR 2009

Persidangan Kebangsaan Pendidikan Luar Bandar 2009 merupakan persidangan kebangsaan pertama yang memberi fokus khas kepada bidang pendidikan luar bandar. Berlangsung antara 3-5 Februari 2009 di Hotel Beverly Kota Kinabalu, PKPLB2009 berjaya menarik penyertaan lebih 250 orang peserta termasuk dari Amerika Syarikat dan Indonesia. Bertemakan '*Rural Education: Building Insights, Extending Boundaries*', 53 kertas kerja dan poster yang dibentangkan sepanjang persidangan diharap mampu menajana lebih banyak idea dan perkongsian maklumat dalam usaha berterusan kerajaan memperkasa kualiti pendidikan luar Bandar.

Dato' Hj. Alimudin Hj. Mohd. Dom, Ketua Pengarah Pelajaran, Kementerian Pelajaran Malaysia dalam ucapan utama dan perasmian beliau menyentuh betapa pentingnya idea dan pandangan ahli akademik di peringkat pengajian tinggi diambil kira dalam penggubalan dan perlaksanaan apa juga polisi atau program pendidikan dalam dan luar negara. Beliau turut memaklumkan perkembangan semasa pencapaian murid negeri Sabah khususnya di kawasan luar bandar telah banyak menunjukkan peningkatan signifikan sambil menyifatkan usaha merapatkan jurang pendidikan di negeri ini sebagai tugas dan amanah yang amat mencabar.

Upacara penutupan persidangan disempurnakan oleh Kol. Prof. Datuk Dr. Hj. Kamaruzaman Hj. Ampon, Naib Canselor, Universiti Malaysia Sabah. Antara lain, Datuk Naib Canselor berharap Pusat Pembangunan Pendidikan Luar Bandar terus memainkan peranan aktif membantu komuniti luar bandar dalam pelbagai aspek pendidikan tidak terhad kepada primis sekolah sahaja. Beliau juga berharap kerjasama dari semua pihak menyuburkan penyelidikan dan program kemasyarakatan sesuai dengan pendekatan UMS sebagai 'Universiti Rakyat'.

